# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# JUMAAT 12 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br><br>4. | LAUNGAN 'PENANG TOLAK TAMBAK' GEGAR PARLIMEN, DALAM NEGERI, UM -13<br>PROTEST ON DIGGING SANDS AND SEA RECLAMATION, NATION, CHINA PRESS -A1<br>200 FISHERMEN STAGE PROTEST TO BAN SEA RECLAMATION IN SOUTHERN PENANG, NATION, CHINA PRESS -A5<br>200 FOSHERMEN PROTEST OUTSIDE PARLIAMENT, NATION, SIN CHEW DAILY -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 5. | 'TAK TERIMA SEBARANG SURAT AKAN DIBUBAR', NASIONAL, BH -14 | LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) |
| 6.<br>7.<br>8.<br><br>9.<br>10.<br>11.<br>12. | AGGRESSIVE OPERATIONS TO CURB FISH BOMBING, HOME, BORNEO POST (KK) -2<br>FISHMONGERS ADVISED NOT TO SEL BOMBED FISH, HOME, BORNEO POST (KK) -2<br>FISHERMEN PROTEST AGAINST RECLAMATION PROJECT, NEWS WITHOUT BOARDERS, THE SUN -5<br>HELAH NELAYAN ASING, PANTAI TIMUR, SH -35<br>DUA PENGEBOM IKAN TERJUN LAUT, SETEMPAT, HM -12<br>2 BOT TEMPATAN CANDAT SOTONG TANPA LESEN DITAHAN, SETEMPAT, HM -12<br>SPRM BAKAL BERTINDAK!, SETEMPAT, HM -12 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 13.<br>14. | PENENTU GESA TINDAKAN TEGAS, SETEMPAT, HM -12<br>PEMILIKAN LESEN DIBIAYAI 'ORANG BESAR', SETEMPAT, HM -12 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 15.<br>16.<br>17.<br>18.<br>19. | KENA 10 TUDUHAN RASUAH, SETEMPAT, HM -12<br>PROJEK TAMBAK LAUT AKAN DIKAJI, NEGARA, KOSMO -4<br>KETAM SEGAR, MURAH DI PANTAI KEMAYANG, NEGERI, HARAKAH -N14<br>NASIB NELAYAN KECIL MALAYSIA, SUARA SINAR, SH -16<br>KEBUN SAWIT ANCAMAN PESWAH, NASIONAL, HARAKAH -N30 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 13 |

# Laungan 'Penang Tolak Tambak' gegar Parlimen

**KUALA LUMPUR 11 Julai** - Kira-kira 300 nelayan berkumpul di luar Parlimen bagi menyampaikan bantahan ke atas projek tambak laut di selatan Pulau Pinang.

Bantahan yang dikelola gabungan Penang Tolak Tambak itu bermula pada pukul 8 pagi di sekitar Tugu Negara sebelum peserta berarak ke Parlimen.

Memorandum bantahan berjaya disampaikan dan beberapa wakil peserta berkesempatan berdialog bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub di bangunan Parlimen.

Wakil Sahabat Alam Malaysia (SAM), S. Mageswari berkata, projek tambak itu dibantah kerana ia mengganggu mata pencarian nelayan dan ekosistem alam sekitar.

"Kami ingin menyeru kerajaan Persekutuan supaya membatalkan projek ini yang dirancang oleh kerajaan negeri Pulau Pinang," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Selain SAM, bantahan itu turut disertai Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Parti Sosialis Malaysia (PSM), Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) dan aktivis-aktivis bebas.

Pelbagai kain rentang dikibarkan dengan bermacam slogan bantahan seperti 'Jangan Gadai Pintu Rezeki Kami', 'Nelayan Tolak Tambak' dan 'Jangan Tuang Pasir Dalam Periuk Nasi Kami'.

Peserta bersurai pada pukul 10.15 pagi.

Sementara itu, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan akan mendengar bantahan tersebut.

Beliau berkata, sekiranya bantahan yang disampaikan terbukti benar, kerajaan akan mengambil tindakan susulan yang bersesuaian.




**SALAHUDDIN AYUB (tengah) menerima memorandum daripada wakil gabungan pertubuhan bukan kerajaan mengenai bantahan isu penambakan laut di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIN FARIJ HASAN**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Protest on digging sands and sea reclamation | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 12 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A1 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 882 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 17,398 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 52,194 |









# 拒填海挖沙



近200名来自槟岛和霹雳州的渔民和非政府组织人士，周四（11日）在国会外和平集会，要求政府取消槟南填海计划和霹雳挖沙活动。

集会者高举印有"拒绝填海"的标语和旗帜，一字排开站在进入国会道路的五角基上，喊口号呼吁政府正视渔民和环境问题。

左下图为集会者自备鱼骨和海沙，申诉一旦填海，渔民就只剩鱼骨。

右上图为几名华裔女渔民也参与集会，表达渔民强烈反对南区填海。

右下图为农业及农基工业部长莫哈沙拉胡丁阿育（前排左4起）代表政府，从集会者代表，也是槟城消费人协会主席的莫希丁阿都卡迪手中接过备忘录。

◆報導：A5 ◆攝影：依哲

**股匯油報價**
11/7/2019

| | |
|---|---|
| 富时隆综指 | 1679.26（'0.29） |
| 成交量 | 31亿8113万3700股 |
| 1美元兑 | 4.1160令吉 |
| 纽约原油价 | 60.60美元 |



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 200 fishermen stage protest to ban sea reclamation in southern Penang | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 12 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A5 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 1075 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 21,205 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 63,615 |






# 不要填海挖沙

## 200漁民抗議檳島南部計劃




■集会者形容槟岛南部填海计划，宛如「森林城2.0」。

■集会者遵照执法者的指示，并列在国会外的五角基，确保不会对进入国会的车辆造成阻拦。

（吉隆坡11日讯）近200名渔民和非政府组织人士今日在国会外和平集会，要求政府正视渔民和环境问题，取消槟岛南部填海计划和霹雳挖沙活动。

[illegible]

### 盼制定社會影響評估

[illegible]

“霹雳挖沙并未正式纳入填海计划的环境评估报告，因此霹雳渔民没有机会提供反馈。”

[illegible]




■集会者高举标语，向国会方向前进



■[illegible]依布拉欣（左）和集会者握手

## 消協主席：環境報告不透明

槟[illegible]

| 備忘錄所提呈的10名內閣人士 |
|---|
| 1）首相敦马哈迪 |
| 2）副首相拿督斯里旺阿兹莎 |
| 3）联邦直辖区部长卡立沙末 |
| 4）能源、工艺、科学、气候变化与环境部长杨美盈 |
| 5）水务、土地及天然资源部长泽维尔 |
| 6）房屋及地方政府部长祖莱达 |
| 7）交通部长陆兆福 |
| 8）经济事务部长拿督斯里阿兹敏阿里 |
| 9）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育 |
| 10）乡区发展部长拿督斯里丽娜哈伦 |

Powered by: isentia

| Headline | 200 fishermen protest outside Parliament | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 12 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 4 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 572 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 17,333 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 52,000 |



抗議檳填海霹挖沙

# 200漁民國會大廈抗議

（吉隆坡11日讯）逾200名来自槟城和霹雳的渔民，以及环保分子今早聚集国会大厦前，抗议槟城南部填海计划和霹雳挖沙活动。

他们一行人先于早上8时聚集在国家英雄纪念碑，9时往国会方向前进，沿途拉起布条和大字报，高喊"专家吃龙虾，人民吃[illegible]"、"[illegible]不是填海造岛（reklamasi）"、"大马拒绝森林城，槟城应该拒绝3个人造岛（森林城2.0）"、"拒绝填海"等口号。





集会者以双语的布条和大字报，表达对槟南填海计划的抗议与诉求。

## 纳兹里阿末：造成环境永久破坏

槟城渔民协会主席纳兹里阿末表示，填海建造3个人造岛将给环境造成永久破坏，为当地人带来许多问题和影响，而这也不是6个月的计划，而是30年。

他认为，如果政府在该地建设新项目，相信他们当中没人能够留在那里，而留在那里的没有马来西亚人，而是新加坡人、香港人、台湾人。

"难道我们要牺牲自己的生计和孩子的未来，只为了让台湾人住在那里？"

他要呼吁首相敦马哈迪重新考虑槟岛南部填海计划，并相信首相不会同意这项计划，就像他反对柔佛森林城市发展计划。





Suara Rakyat一行人在国会大厦外高举布条，呼吁[illegible]安全套来防止爱滋病。

## 巴迪亚：会聆听渔民意见

旅游、艺术及文化部副部长巴迪亚、公正党[illegible]国会议员[illegible]、巴西古当国会议员哈山卡林、伊党古邦阿吉国会议员[illegible]给国会议员拿督斯里[illegible]和集会者交流，聆听他们的意见。

巴迪亚说，他们会聆听非政府组织和渔民有关槟城填海工程的争议和意见。

渔民在备忘录中提出3大诉求，即呼吁国家规划理事会撤除槟城南部填海计划，要求召集独立交通专家和规划专家，介面检讨包含3个主要大道的槟城交通大蓝图计划，以及管控霹雳州的外海挖沙活动。

他们将提呈上述备忘录和两个针对槟城南部填海计划的16万5000人签署的请愿书予首相敦马哈迪、副首相拿督斯里旺阿兹莎、联邦直辖区部长丹斯里[illegible]、能源科艺环境部长杨美盈、水务、土地及天然资源部长[illegible]、房屋及地方政府部长祖莱达、交通部长陆兆福、经济事务部长拿督斯里阿兹敏、农业及农基工业部长拿督斯里[illegible]及乡区发展部长[illegible]。





依沙苏梯（前排右三）和选举2.0执行董事叶瑞生（前排左二）在国会大厦前请愿，促请政府废除煽动法令。

## Suara rakyat促阿茲敏回應短片

另一方面，Suara rakyat秘书[illegible]一行十多人今早在国会大厦前，高举"阿兹敏夫妇使用安全套以防止爱滋病"的布条和Durex安全套，要求经济事务部部长拿督斯里阿兹敏回应男男性爱短片一事。

发言人[illegible]表示，虽然警方已在调查男男性爱短片，但阿兹敏有责任作出交代，不要因为首相敦马哈迪的倾向而没有回应。

"这不是公正党的事件，而是国家全民事件。"

他说，如果阿兹敏有做过这些事情，那就承认吧，并接受和公正党主席拿督斯里安华一样的惩罚。

"我们不支持'同性恋、双性恋及跨性别者'（LGBT）群体，而阿兹敏没有澄清，人民将会认为他是影片中的主角。"

## 售"平靜號"收入8月匯入戶頭

财政部长林冠英表示，政府售卖豪华游艇"平静号"的收入，在扣除总额的费用后将在今年8月汇入一马发展公司（1MDB）的偿还债务户头，或是财政部的户头。

他回答巫统马接区国会议员说，"平静号"买家——大马云顶集团已经在今年4月23日缴付全数5亿2740万令吉（约1亿2600万美元）的款项，这笔钱目前在本地著名的Shearn律师楼托管户头，为期3个月。

"这是基于法庭命令所定下的[illegible]费用。"

## 大馬支持東帝汶加入東盟

外交部长拿督赛夫丁表示，大马在希盟政府的领导下，同样支持东帝汶加入东盟，成为第11个东盟成员国。

针对东帝汶早在8年前就申请加入东盟，却迟迟没有结果，赛夫丁指称，东盟成员国已决定今年9月展开寻找真相的调查（Fact-finding）。

他在回答行动党升旗山国会议员黄汉伟的问题说："大马希望这个调查会有正面的结果，让东帝汶尽早成为东盟一份子。"

前首相拿督斯里纳吉在2014年也表明支持东帝汶加入东盟。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 14 |




***Antara pejabat** Pertubuhan Peladang Kawasan di Perak* [Foto hiasan]

# 'Tak terima sebarang surat PPN akan dibubar'

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tidak pernah menerima sebarang usul, surat atau apa-apa dokumen rasmi yang Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) akan dibubarkan.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata beliau menganggap usul atau dakwaan yang timbul itu sebagai tidak relevan.

"Oleh itu, saya merasakan tidak perlu ubah struktur sedia ada dan ia (bubar) tidak relevan," katanya pada waktu pertanyaan menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Khairy Jamaluddin (BN-Rembau) berhubung pendirian dan langkah kementerian terhadap usul PPN dibubarkan berpunca daripada perubahan struktur Ahli Jemaah Pengarah pertubuhan itu.

Sementara itu Salahuddin berkata, kementerian akan menyelesaikan kelewatan pengagihan surat lantikan ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) pada bulan ini.

"Pengagihan surat ini sudah 40 peratus siap. Hujung minggu ini saya akan tandatangan semua senarai nama yang dikemukakan dan insya-Allah selepas ini PPK boleh terus berniaga, melakukan aktiviti," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Aggressive operations to curb fish bombing | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 12 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 233 cm² |
| Journalist | Alen Kee | AdValue | RM 650 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,949 |




# Aggressive operations to curb fish bombing

**By Alen Kee**

**SEMPORNA:** The marine police and Fisheries Department will conduct integrated operations to curb fish-bombing activities in the waters off Semporna.

Marine Police Region 4 commander ACP Mohamad Pajeri Ali said that following the death of three individuals caused by fish-bombing activities in the waters off Kulapuan Island, the integrated operation would be done aggressively against operators of pump-boats and boats using pump-engines handled by non-citizens.

He said the objective was to check on such boats and enforcing the Acts and Regulations involving securities under the Merchant Shipping Ordinance 1960, Police Act 1967 and the Penal Code.

In a special operation in the waters off Semporna on Wednesday, ACP Mohamad Pajeri said three unregistered pump-boats and four registered boats using pump engines but handled by non-citizens were detained.

Also detained were 10 men without any documents under the Immigration Act 1959/63.

However, no fish-bomb equipment was found, he added.

According to him, following the divers' incident, the integrated operation will be continuous to curb the activity aggressively.




The pump-boats being towed to a marine base during the operation on Wednesday.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Fishmongers advised not to sell bombed fish | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 12 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 2 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 597 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,790 |




# Fishmongers advised not to sell bombed fish

**LAHAD DATU:** The marine police here, together with the Fisheries Department, on Wednesday launched an integrated operation to ensure no fishmongers or vendors were selling fish caught with explosives along Jalan Lahad Datu to Merabung.

Sabah Region Four marine commander ACP Mohamad Pajeri Ali in a statement said during the operation, fishmongers were also advised not to sell fish that were caught through bombing activities, to the public.

Mohamad Pajeri said no arrests had been made or any untoward incident occurred during the operation.

The Fisheries Department, he said, also explained that sale of fish caught with explosives were an offence under Section 26 of the Fishery Act 1985.

"Members of the public who have any information on the sale of fish caught through bombing, or fish bombing activities, can immediately notify the authorities for action," he added.



Marine personnel inspecting some of the fish during the operation along Jalan Lahad Datu to Merabung.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/7/2019 | THE SUN | NEWS WITHOUT BORDERS | 5 |


# Fishermen protest against reclamation project

BY **RAJVINDER SINGH**
*newsdesk@thesundaily.com*

**KUALA LUMUR:** The destruction of fish breeding grounds and lack of safety are the main issues worrying fishermen over the Penang South Reclamation (PSR) project, said Penang Fishermen Association chairman Nazri Ahmad.

He said the state government and Fisheries Department had spent huge sums of money to create artificial reefs that mimic fish breeding grounds in a cove and these were now being threatened by the reclamation project.

Nazri said fishermen were already seeing benefits from the artificial reef project as there were more fish to catch.

"It doesn't make sense to destroy this area after spending money to turn it into a breeding ground," he said after leading several hundred fishermen from Penang and Perak on a march from the National Monument to Parliament in a protest against the PSR as well as large-scale sand mining off the northern coast of Perak.

In an immediate reaction, Prime Minister Tun Dr Mahathir Mohamad said the government would look into their complaint.

Nazri said the fishermen feared marine life would disappear once work on the project started and that would impact their income.

He said the cove has served as a sanctuary for fishermen in the event of a storm near Pulau Kendi.

"If the project proceeds, we will no longer have any shelter."

He said the expected increase in sea traffic when work on the project begins could create risk of collisions among vessels, thus endangering smaller fishing boats.

In a memorandum to the prime minister, they stated that the livelihood of 10,000 fishermen would be affected by the project.

Several MPs also took time from proceedings in the Dewan Rakyat to show their support to the protesters.

The PSR is a reclamation project to create islands covering 4,500 acres off the southern coast of Penang.




The fishermen at the peaceful protest outside the Parliament gates in Kuala Lumpur yesterday. – *BBXPRESSPIX*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | SINAR HARIAN | PANTAI TIMUR | 35 |

# Helah nelayan asing

**KEMAMAN** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) membongkar helah nelayan asing yang menggunakan nombor pendaftaran dan lesen bot nelayan tempatan bagi mengelakkan kegiatan haram mereka dikesan penguat kuasa.

Bagaimanapun, perbuatan itu gagal selepas tiga bot yang dinaiki 34 tekong dan awak-awak itu ditahan pada kedudukan 73 hingga 104 batu nautika timur laut Kuala Kemaman, Isnin lalu.

Pengarah Maritim Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, pemilik asal lesen bot turut disoal siasat bagi mengesahkan bot yang digunakan.

"Kita akan bekerjasama dengan Jabatan Perikanan. Mungkin mereka berasa kebal dan selamat apabila memiliki lesen tempatan tapi hasil penguatkuasaan kita dapat kesan taktik mereka.

"Kesemua tekong dan awak-awak berusia di antara 16 hingga 59 tahun. Nilai rampasan dianggarkan RM3 juta membabitkan bot, hasil laut seberat 2.5 tan dan 1,250 liter diesel.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 8(a) akta sama," katanya.

Kes turut disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen kerana tiada dokumen pengenalan diri yang sah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 3 |



KAMARUSZAMAN (tengah) bersama Penguasa Jabatan Perikanan Kota Belud, Mohamad Intan (kiri) dan Penolong Penguasa Jabatan Imigresen Kota Kinabalu, Hasanal Awang Hashim pada sidang media, semalam.

# Dua pengebom ikan terjun laut

■ **APMM rampas dua sampan berhampiran Tanjung Logong**

Fardy Bungga
fardy@hmetro.com.my

**Kota Kinabalu**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) merampas dua sampan yang dipercayai digunakan untuk aktiviti pengeboman ikan berhampiran Tanjung Logong, Pulau Gaya di sini, kelmarin.

Rampasan hasil operasi khas yang dijalankan jam 9.50 pagi bagi membanteras aktiviti pengeboman ikan, bot pam haram dan pendatang asing tanpa izin (Pati) yang ditumpukan di kawasan Teluk Likas dan sekitar Pulau Gaya.

Pengarah APMM Sabah, Laksamana Muda Maritim Kamaruszaman Abu Hassan berkata, dalam operasi itu, kedua-dua sampan berkenaan dilihat dalam keadaan mencurigakan sebelum cuba dihampiri anggota penguat kuasa.

Bagaimanapun katanya, dua awak-awak sampan berkenaan yang menyedari kehadiran pihak berkuasa terjun ke laut dan berenang ke daratan sebelum menghilangkan diri.

"Hasil pemeriksaan terhadap dua sampan berkenaan membawa kepada penemuan pelbagai peralatan dan bahan letupan untuk aktiviti pengeboman ikan.

"Kedua-dua sampan berkenaan bersama peralatan bom ikan yang dirampas kemudian dibawa ke Jeti APMM," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Kamaruszaman berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 26 Akta Perikanan 1985 yang memperuntukkan denda RM20,000 atau penjara selama 2 tahun atau kedua duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Sementara itu, Kamaruszaman berkata, APMM mempergiatkan operasi mengesan dan membanteras aktiviti pengeboman ikan di seluruh Zon Maritim Negeri Sabah lanjutan kejadian malang yang menimpa dua pelancong China dan seorang penyelam di perairan Semporna, baru baru ini.

Katanya, hasil maklumat awam dan risikan mendapati kawasan Teluk Likas salah satu kawasan aktiviti bom ikan yang kerap dilakukan Pati.

"Operasi kali ini diatur gerak ke kawasan Teluk Likas dalam usaha mencegah aktiviti mengebom ikan daripada menjadi berleluasa.

"Ini kerana ia bukan saja berbahaya kepada orang ramai dan pelaku itu sendiri, tetapi juga memberi kesan kepada ekosistem kehidupan marin seperti kerosakan terumbu karang dan pembiakan ikan," katanya.

Kamaruszaman berkata, orang ramai terutama komuniti maritim diminta sentiasa mengutamakan keselamatan ketika berada di laut dan melaporkan sebarang kejadian jenayah atau kecemasan di laut di talian 088 260175 untuk tindakan segera.

> "Hasil pemeriksaan terhadap dua sampan berkenaan membawa kepada penemuan pelbagai peralatan dan bahan letupan untuk aktiviti pengeboman ikan"
>
> *Kamaruszaman Abu Hassan*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | KOSMO | NEGARA | 4 |





SEBAHAGIAN nelayan berkumpul di kawasan Tugu Negara sebelum berarak ke pintu masuk bangunan Parlimen semalam bagi membantah projek PSR di Pulau Pinang.




GAMBAR lakaran kawasan projek PSR untuk membina tiga buah pulau buatan di perairan selatan Pulau Pinang.

300 nelayan Pulau Pinang, Perak berhimpun buat bantahan di luar Parlimen

# Projek tambak laut akan dikaji

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

KUALA LUMPUR – Kerajaan akan melakukan kajian berhubung bantahan nelayan terhadap projek tambak laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang didakwa akan memberi kesan kepada kehidupan mereka dan alam sekitar.

Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, tindakan sewajarnya akan diambil jika wujud bukti berhubung dakwaan itu.

"Kita akan kaji pendapat mereka dan jika benar apa yang disangka, maka kita akan ambil tindakan sesuai," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen semalam.

Beliau ditanya mengenai perasaan tidak puas hati nelayan dan badan bukan kerajaan (NGO) berhubung projek itu.

Terdahulu, kira-kira 300 nelayan dari Pulau Pinang dan Perak berhimpun di luar bangunan Parlimen bagi membantah projek PSR tersebut.



DR. MAHATHIR

Bantahan anjuran Gabungan Penang Tolak Tambak itu turut disokong beberapa NGO termasuk Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Pengguna Pulau Pinang Parti.

Kumpulan itu menyerahkan memorandum bantahan kepada beberapa kementerian termasuk Dr. Mahathir.

Seorang wakil SAM, S. Mageswari mendakwa, bantahan terhadap projek itu bukan sahaja dibuat kerana mengganggu sumber rezeki nelayan malah berisiko memusnahkan ekosistem alam sekitar.

"Kerajaan Persekutuan perlu segera membatalkan projek tambak laut itu yang sebelum ini dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya kepada pemberita.

Projek PSR dilaporkan bertujuan mewujudkan bank tanah untuk membiayai Rancangan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang turut mendapat kelulusan Majlis Perancangan Fizikal Negara pada April lalu.

Ia membabitkan keluasan 1,800 hektar bagi membina tiga buah pulau buatan merentang dari selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke arah timur sekitar Permatang Damar Laut.

Antara kawasan terlibat ialah perairan Sungai Batu, Teluk Kumbar dan Gertak Sanggul di Pulau Pinang.

Projek itu dilaporkan akan menggunakan 189 juta meter padu pasir yang dikorek di kawasan 20 batu nautika dekat perairan di daerah Manjung hingga Kerian, Perak.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | HARAKAH | NEGERI | N14 |

# Ketam segar, murah di Pantai Kemayang

Oleh SALMAH MAT HUSAIN
Foto RIZAL TAHIR

**BACHOK:** Ramai yang ingin menikmati masakan lauk pauk atau sayuran yang segar dari ladang.

Namun tidak ramai yang mampu berbuat demikian memandangkan kesukaran mendapatkan bahan mentah tersebut.

Begitu juga bagi mereka yang ingin membeli ikan, ketam, sotong dan pelbagai hasil laut segar.

Kebiasaaannya Mei hingga September setiap tahun merupakan musim ketam membiak. Sepanjang tempoh itu orang ramai berpeluang memperolehi ketam pada harga agak murah.

Nelayan menggunakan perangkap ketam yang dikenali sebagai bento dengan umpan ikan untuk menangkap ketam.

Di Bachok terdapat beberapa tempat pendaratan ketam antaranya Kuala Kemasin, Belongan, Pantai Kemayang dan Kampung Nipah.

Penduduk dan pemborong memilih destinasi berkenaan bagi mendapat hasil laut yang segar dan lebih murah. Pantai Kemayang yang turut menjadi pilihan orang ramai untuk membeli ketam.

Dianggarkan seramai 10 nelayan sekitar Pantai Kemayang mencari rezeki menangkap ketam setiap hari.


Faiz Jaafar

Seorang daripada mereka Faiz Jaafar, 28, berkata, bermula selepas solat Subuh setiap pagi sejak 17 tahun lalu beliau bersama rakan-rakan memulakan tugas harian.

"Sekitar jam 9.15 hingga 10.45 kami naik semula ke darat. Waktu ini sekiranya ada orang kampung yang datang membeli, kami tidak menjual kepada pemborong," ujarnya ketika ditemui baru-baru ini.

Katanya, harga ketam dijual berdasar gred iaitu gred A harga RM30 sekilogram dan gred B (RM20 sekg).

Bagaimanapun kata beliau gred A agak sukar diperolehi.

Seorang lagi nelayan Mohd Saiful Zakaria, 29 pula memberitahu beliau berjinak-jinak menangkap ketam ketika berusia 12 tahun.

Katanya, ketika itu setiap hari minggu beliau turun ke laut bersama ayahnya.

"Terdapat tiga jenis ketam yang sering ditangkap antaranya ketam bunga, harimau dan bintang," katanya.

Ditanya pendapatan harian beliau memberitahu ia bergantung kepada jumlah hasil tangkapan ketam.

Kata beliau pendapatan sekitar RM100 hingga RM150 sehari. Saiful turut memberitahu sebelum turun ke laut, beliau memastikan umpan disediakan mencukupi.


Ketam segar dijual di Pantai Kemayang.


Mohd Saiful Zakaria menyediakan umpan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | SINAR HARIAN | SUARA SINAR | 16 |

Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

# Nasib nelayan kecil Malaysia

BARU-BARU ini, Merak sempat turun ke sebuah perkampungan nelayan di selatan tanah air untuk melihat pemandangan di kawasan tersebut.

Dalam pada sibuk menikmati tiupan bayu laut dan menghayati deruan ombak, Merak sempat berbual dengan beberapa orang nelayan yang berada di sana.

Sambil-sambil itu Merak cuba mengorek permasalahan yang mereka hadapi sepanjang bergelar nelayan.

Setakat yang kita tahu, mereka ini biasanya mengalami kurang hasil tangkapan akibat masalah cuaca yang tidak menentu.

Rupa-rupanya tidak... nelayan hari ini sebenarnya berdepan dengan pelbagai masalah.

Salah satu daripadanya adalah kehilangan peralatan menangkap ikan seperti bot, enjin dan jaring.

Apabila berlaku perkara seperti itu mereka akan kehilangan pendapatan berbulan-bulan lamanya.

Malah, mereka juga terpaksa menanggung bebanan hutang kerana peralatan yang dibeli biasanya diperoleh melalui pinjaman bank.

Selain itu, mereka juga berdepan dengan pencemaran alam sekitar yang menyebabkan hasil tangkapan semakin berkurangan dari masa ke masa.

Situasi itu biasanya berlaku dalam kalangan nelayan pantai dan mereka adalah golongan yang paling teruk terjejas kerana radius golongan itu menangkap ikan adalah terhad.

Tidak cukup dengan itu, mereka juga berdepan dengan ancaman nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

Biarpun laut itu luas, namun pencerobohan nelayan asing yang mencuri hasil laut negara dengan rakus tetap juga menjejaskan pendapatan mereka.

Bagaimanapun, mereka tetap tabah mengharungi satu demi satu dugaan yang dihadapi.

Malah, mereka masih mampu tersenyum dan terus gagah turun ke laut biarpun tahu nasib mereka tidak sama setiap hari.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/7/2019 | HARAKAH | NASIONAL | N30 |

# Kebun sawit ancaman pesawah

**Oleh HIDAYAH AZLIN**



**Dr Azman selaku exco dan Adun Jabi menjadi imam solat hajat bersama petani dan penduduk kampung untuk menyelesaikan masalah pesawah**

**SETIU:** Kebun kelapa sawit di tengah sawah akan menjadi punca masalah kepada pesawah kerana ia menjadi tempat tikus bersarang yang memburukkan hasil padi.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Negeri Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, ia bukan sahaja menjadi ancaman malah menjadi satu kerugian besar apabila tanah padi digantikan dengan tanaman sawit.

Menurut beliau, untuk melengkapkan sistem pengairan bagi satu kawasan jelapang padi ribuan juta telah dibelanjakan.

Katanya, pada tahun 2005 keluasan bendang padi di Terengganu lebih kurang 22,000 hektar manakala tahun 2017 hanya tinggal sekitar 12,000 hektar sahaja.

"Pengurangan sebanyak 10,000 hektar ini amat serius,î katanya ketika ditemui sdalam siri jelajah sempena program solat Hajat tanaman padi bersama para petani dan penduduk di Kampung Gong Nangka dan Kampung Gong Pasir, baru-baru ini.

Beliau yang juga Adun Jabi berkata, kewajipan seorang hamba Allah bukan setakat mencari rezeki yang halal malah berkat bagi menjamin kebahagian dunia dan akhirat.

"Jangan pernah jemu untuk meminta kepada Yang Maha Pemberi Rezeki. Kita mohon agar dikurniakan rezeki yang halal dan berkat kepada pesawah di Baruh Gong Nangka dan Gong Pasir.

Antara tanda berkat adalah cukup dan berpanjangan. Ada orang beli kereta hasil tikam nombor ekor, tiga hari dia naik terus terjun parit kerana rezeki itu tidak berkat," katanya.

Malah, jika anak-anak makan, inshaAllah, ilmu mudah masuk dan keluarga juga bahagia.

"Jadi, bukan setakat makan atas dunia malah biarlah nikmat yang kita lalui atas dunia ini bersambung hingga akhirat," tambahnya.

Beliau berkata, isu yang berkaitan penanaman padi akan diselesaikan peringkat demi peringkat sama ada yang berkait dengan bidang kuasa kerajaan Negeri atau agensi-agensi kerajaan Pusat.

"Alhamdulillah setakat ini, kita tiada masalah berbincang bersama demi kepentingan pesawah kita.

Setakat ini, saya telah membuat susulan dengan (LPP) tentang masalah kelewatan baja dan sebagainya sebagaimana yang berlaku pada musim lepas, insha Allah tidak berulang," katanya.

Tambah beliau, biasa musim kedua tidak berlaku masalah ketiadaan air berbanding musim pertama bagaimanapun pihak KETARA sentiasa bersedia untuk membantu sekiranya berlaku permasalahan.

"Apa sahaja masalah perlu dimaklum segera mudah-mudahan sedikit sebanyak masalah yang timbul itu dapat ditangani segera," katanya.